

Malaysia akan hantar pefajar ke negara2 Selatan

LM 27 NOV 1992

Daripada
Khalid Mohd.

TUNIS 26 Nov. — Malaysia akan menghantar para pelajar-nya ke pusat-pusat pengajian yang cemerlang di negara-negara Selatan dalam usaha mendedahkan mereka kepada dunia yang tidak berkiblatkan kepada Utara semata-mata, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, pendedahan ini akan dibuat di bawah rancangan pertukaran pelajar antara negara-negara Selatan seperti yang diputuskan di Persidangan

Ⓢ overseas trips
Kumpulan 15 (G15) yang baru lalu di Senegal.

Menurutnya, untuk tujuan itu pusat-pusat pengajian yang mempunyai reputasi kecemerlangan yang tinggi sedang dikenalpasti di setiap negara Selatan.

Bercakap kepada wartawan di akhir lawatannya ke Tunisia hari ini, Dr. Mahathir berkata: "Program ini perlu supaya penuntut-penuntut kita didedahkan kepada kerjasama Selatan-Selatan awal-awal lagi."

Perdana Menteri menegaskan, pendedahan awal ini juga menjadi penting dalam usaha negara-negara membangun

untuk turut serta dalam menentukan corak orde baru dunia supaya ia tidak merugikan negara-negara Selatan.

Sebelum ini ketika bercakap kepada para wartawan di akhir Persidangan G-15 di Dakar, beliau berkata pendekatan ini akan menyelamatkan tukaran wang asing negara dan lebih dari itu meningkatkan perhubungan secara tidak langsung antara negara-negara Selatan.

Sambil mengakui bahawa sebagai permulaan, bahasa mungkin menjadi masalah, beliau berkata: "Kita akan cuba

LIHAT MUKA 2

MALAYSIA AKAN HANTAR PELAJAR KE NEGARA2 SELATAN

UM 27 NOV 1974
mencari ini kita yang mungkin untuk bahasa universal sebagai tempat untuk kita menghantar pelajar kita."

Menyentuh tentang lawatan rasmi ke Namibia dan Tunisia buat pertama kali dan berada di Senegal untuk menghadiri Persidangan G-15, Dr. Mahathir berkata, beliau yakin kerjasama Selatan-Selatan akan dapat dicapai sungguhpun terdapat masalah dan halangan.

Menurutnya, pada hari ini semangat dan kesungguhan untuk menjayakan kerjasama tersebut semakin menyerlah dengan negara-negara anggota mengeluarkan idea-idea baru yang memberangsangkan.

Penyertaan Malaysia dalam Kumpulan G-15, katanya, semakin bermakna dengan penerimaan SITTEDEC (Pusat Pertukaran Data Mengenai Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Selatan) yang kini diterima dengan meluas oleh banyak negara anggota.

Pusat tukaran maklumat ini ditubuhkan dan diurus oleh Malaysia dengan perbelanjaan sendiri.

Selain itu, katanya, cadangan Malaysia supaya diadakan seminar mengenai Perancangan Pembangunan, Ekonomi dan Pensiwaan pada Persidangan Kumpulan 15 di Senegal juga telah diterima di samping cadangan untuk menerbitkan sebuah 'Majalah Selatan'.

"Dengan ini kita rasa peranan kita dalam Kumpulan G-15 semakin bermakna," ujar beliau.

Ditanya tentang keadaan sesetengah negara Selatan yang menghadapi masalah dan mungkin tidak dapat turut serta dengan kecepatan yang sama dalam kemaraan negara-negara Selatan, Dr. Mahathir berkata: "Kita hendaklah tolong mereka."

Katanya, beliau sedar tugas ini bukanlah mudah, tetapi ia bukanlah sesuatu yang tidak boleh dilakukan jika terdapat keazaman untuk berbuat demikian.

Pada keseluruhannya, Perdana Menteri menyifatkan lawatan rasminya ke Namibia dan Tunisia serta penyertaan aktif Malaysia dalam Perjanjian G-15 sebagai berhasil dan membuka ruang-ruang baru untuk diteroka dalam pelbagai bidang.

Katanya, lawatan rasmi itu telah membolehkan beliau melihat sendiri pembangunan sebenar yang sedang berlaku di benua ini dan beliau kagum dengan apa yang dilihatnya.

Sebagai contoh, katanya, Namibia dan Tunisia mempunyai banyak barangan yang boleh dibeli oleh Malaysia manakala mereka pula boleh membeli terus minyak sawit dan getah dari Malaysia, tidak lagi melalui negara ketiga.

Menurut Dr. Mahathir, Tunisia juga berminat untuk menjadi anggota Kumpulan G-15 dan Malaysia sedia menyokong penyertaannya.

Tentang pertemuannya dengan Pengerusi PLO, Yasser Arafat semalam, Perdana Menteri memberitahu, Arafat menjelaskan kepadanya mengenai keadaan sebenar Rundingan Damai Arab-Israel yang masih tidak ke mana itu.